

01 MAY 1997

PM BERLEPAS UNTUK LAWATAN KE TIGA NEGARA AFRIKA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Aziz Shah di Subang, dekat sini, untuk melakukan lawatan rasmi seminggu ke tiga buah negara Afrika.

Yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Destinasi pertama delegasi Dr Mahathir, yang disertai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie serta beberapa tokoh korporat, ialah Malawi yang mana hubungan perdagangan antara kedua-dua negara tahun lepas mencecah RM2.55 juta.

Perdana Menteri dan rombongan kemudiannya akan berlepas ke Botswana yang mempunyai hubungan dagangan dengan Malaysia berjumlah RM1.35 juta tahun lepas.

Negara terakhir yang akan dilawati Dr Mahathir ialah Afrika Selatan. Semasa di sana, Perdana Menteri dijadualkan menerima anugerah tertinggi negara itu, "Order of Good Hope", daripada Presiden Nelson Mandela. --
BERNAMA

AH RI